

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



Oleh: Suraiya Mahdian

Mesyuarat Umum Dwi Tahunan D'Planters' Guild kali ke-37 telah berlangsung dengan jayanya pada 19 September 2019 bertempat di Dewan Kuliah Judan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Seramai 312 orang pelajar daripada Program Diploma Pengurusan Ladang dan Diploma Pengeluaran Herba telah hadir untuk melaksanakan proses pembuangan undi bagi perlantikan Majlis Tertinggi D'Planters' Guild sesi 2019/2020. Saudara Howern Dean Hardin telah dilantik sebagai presiden Persatuan D'Planters' Guild yang baharu. Mesyuarat dirasmikan oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip, selaku Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi.

Antara intipati lain mesyuarat ini adalah untuk membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan pada semester lepas, pembentangan bajet aktiviti-aktiviti semester lepas, dan pembentangan aktiviti-aktiviti yang bakal diadakan pada semester semasa. Mesyuarat ini juga telah diserikan dengan persembahan daripada pelajar semester 1 dari Program Diploma Pengurusan Ladang dan Diploma Pengeluaran Herba. Mesyuarat bersurai pada jam 10 malam.



Penyampaian cenderamata kepada Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, Encik Muhamad Syukrie bin Hj. Abu Talip

Pra Natal "Red Christmas"

Oleh: Shirley Sinatra Gran

Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kristian (JPPK) di bawah naungan Majlis Perwakilan Pelajar, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah menganjurkan program Pra Natal "Red Christmas" pada 29 November 2019 bertempat di Dewan Sri Balau, UiTM Kampus Mukah. Program dimulakan dengan perarakan "Carolling" daripada Takan Berambih menuju ke Dewan Sri Balau. Seramai lebih kurang 165 orang pelajar telah melibatkan diri di dalam program tersebut. Di antara perincian program adalah persembahan tarian, drama pendek dan persembahan nyanyian bertemakan Krismas. Perincian program yang mendapat perhatian adalah sesi pertukaran hadiah di antara peserta yang hadir.



Majlis turut menjemput Brother Peter Paris yang merupakan Sarawak Regional Team Leader bagi Fellowship of Evangelical Student (FES) bagi mengadakan sesi perkongsian berkaitan dengan Hari Natal. Objektif penganjuran program ini adalah untuk menggalakkan penghayatan dan kreativiti dalam penganjuran aktiviti kerohanian, serta untuk mencungkil bakat-bakat pelajar di dalam bidang seni dan kepimpinan. Program ini juga diharapkan dapat menjalin hubungan mesra dan kerjasama yang baik antara mahasiswa dan pensyarah.

KEM MOTIVASI DAN PEMANTAPAN AKADEMIK PELAJAR FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI

Oleh: Suraiya Mahdian

Penganjuran Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik Pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi merupakan satu usaha dalam membentuk dan melahirkan graduan yang berkualiti. Objektif utama penganjuran kem ini adalah untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang secara holistik dan seimbang dalam segenap aspek serta kekal relevan, sekali gus menjadi modal insan utama untuk membantu kemajuan negara pada masa hadapan. Program ini telah diadakan di Dewan Sri Balau, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada 16 November 2019 dan telah dirasmikan oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip, selaku Ketua Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi. Seramai 312 orang pelajar daripada Program Diploma Pengurusan Ladang dan Diploma Pengeluaran Herba telah hadir menjayakan kem ini. Dua orang alumni telah dijemput sebagai penceramah bagi sesi *Planters Talk*, iaitu Tuan Syahir bin Rahim dan Puan Siti Fairuz binti Adrus.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578

